



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMBALI KEPADA PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA

Tema “**Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih**” dipilih sebagai tema Hari Kebangsaan 2019. Ianya menitik berat hasrat Kerajaan untuk memupuk semangat sayangi negara kita ini dan mengeratkan lagi jalinan perpaduan dan keharmonian di antara kita semua serta menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dengan rakyat yang berintegriti dan mempunyai jati diri.

Sempena Hari Kebangsaan ini, saya memohon agar semua rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyemarakkan lagi semangat kenegaraan, patriotisme dan menyemai unsur-unsur budaya, integriti, serta menolak amalan rasuah dalam kehidupan kita.

Marilah kita kembali kepada prinsip-prinsip Rukun Negara yang menerapkan nilai-nilai murni yang berasaskan kedamaian, kesejahteraan, perpaduan, kesetiaan kepada Raja dan Negara, sikap toleransi antara satu sama lain dan semangat patriotisme yang jitu supaya kita semua dapat hidup bersatu padu tanpa sebarang sengketa dalam usaha kita membina satu negara yang maju dan dilihat oleh seluruh dunia sebagai contoh negara majmuk yang berjaya.

Rakyat Malaysia terdiri daripada kepelbagaian budaya dan bangsa. Hubungan harmoni yang terjalin sesama kaum ini memperkukuhkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara.

“Kemakmuran Bersama” merupakan salah satu inisiatif yang diperkenalkan ke arah hubungan harmoni dan kerjasama pelbagai kaum, yang menjadi kunci utama untuk menghadapi pelbagai cabaran supaya negara kita dapat mencapai matlamat kerajaan secara menyeluruh.

Dalam perkara ini, semua rakyat Malaysia mempunyai peranan penting untuk memastikan bahawa kita semua bangga dengan pencapaian negara kita selepas 62 tahun merdeka baik dari segi ekonomi ataupun sosial.

Kita harus menghargai bagaimana kita telahpun membina satu negara yang berjaya berasaskan semangat kebersamaan sebagai rakyat Malaysia dengan menghormati Perlembagaan Persekutuan.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama meraikan hari yang penuh bermakna ini dengan mengekalkan semangat keharmonian dan perpaduan antara semua lapisan masyarakat Malaysia, agar aspirasi kerajaan 'Kemakmuran Bersama' dapat dikecapi oleh semua.

Selamat Hari Kebangsaan dan Salam Sayangi Malaysiaku.

GOBIND SINGH DEO

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

31 OGOS 2019